

**MODEL PENILAIAN PROGRAM TAHFIZ AL-QURAN DI NUSANTARA  
BERDASARKAN MODEL PENILAIAN PROVUS  
(DISCREPANCY EVALUATION MODEL)**

**\*Muhammad Hafiz Saleh**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

*\*mhafiz@usim.edu.my*

**Zawawi Ismail**

**Zaharah Hussin**

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

**ABSTRACT**

The main objective of Quranic memorisation education is to create a generation of huffaz that is capable of memorising the entire Quran and preserving it from any exploitation. This objective should be understood clearly by the tahfiz institution administrators, the teachers, the parents and tahfiz al-Quran students. Problems could occur if this objective is not understood clearly, while the solution should be sought. Previous studies have shown that several issues arise in the education of the tahfiz al-Quran. Among the issues are; tahfiz students are not able to recite the entire al-Quran without looking at the mushaf, tahfiz students failed to memorise the syllabus within the designated period, tahfiz students are not able to write Quranic verses without looking at the mushaf, tahfiz students failed to master the tajweed knowledge theoretically and practically and the weakness of the tahfiz students to perceive Mutashabihat al-Lafzi verses in the Quran. Thus, evaluation of the Quran tahfiz program should be carried out to identify the causes of the weaknesses. The purpose of the evaluation is to ensure that the tahfiz al-Quran program is running as planned. For that purpose, the researcher developed an evaluation model for the tahfiz al-Quran program based on the Discrepancy Evaluation Model by Provus (1971). The results of this study show that four aspects need to be addressed so that the five issues that occur in the Quran tahfiz education could be solved. The first aspect is the determination of tahfiz al-Quran objectives, the second aspect is the preparation before memorising the Quran, the third aspect is the memorisation process, and the fourth aspect is the process of revising the Quran. By using this model as an evaluation instrument, the cause of the problem in tahfiz al-Quran education can be identified and solved.

**Keywords:** *Evaluation model, tahfiz al-Quran, education, Nusantara, Provus*

**PENDAHULUAN**

Pendidikan tahfiz al-Quran merupakan pendidikan pertama yang diperkenalkan di dalam pendidikan Islam (al-Beely, 1990). Ia bermula sejak penurunan wahyu yang pertama kepada Rasulullah di Gua Hira' (al-Dakhil, 2008). Sejak peristiwa itu, proses hafazan al-Quran antara Rasulullah dengan malaikat Jibril berterusan secara berperingkat selama 23 tahun (al-Dailami, 2006). Rentetan daripada peristiwa itu, setiap kali malaikat Jibril menyampaikan wahyu kepada Rasulullah, baginda akan segera menghafalnya dengan mengerak-gerakkan bibirnya dengan laju agar wahyu tersebut melekat di dalam hati baginda dan tidak terlupa sebarang kalimah atau huruf (al-Zurqani, 1999; al-Dakhil, 2008). Setelah menerima wahyu daripada malaikat Jibril, baginda pula bertindak sebagai guru dengan mengajarkan wahyu tersebut kepada mereka yang berada di sekeliling baginda dan ahli keluarganya yang terdekat. Antara individu terawal yang menjadi

pelajar baginda adalah isteri baginda sendiri iaitu Khadijah dan sepupu baginda iaitu Ali bin Abi Talib (al-Sabuni, 2011).

Pada permulaan Islam, baginda telah memilih rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam di Mekah sebagai institusi pembelajaran al-Quran yang pertama dan proses pembelajaran dilakukan secara sembunyi. Kaedah pengajaran yang digunakan oleh baginda pada waktu itu adalah sebagaimana baginda mempelajarinya daripada malaikat Jibril iaitu secara *sima'* iaitu mendengar bacaan, *tikrar* iaitu mengulangi bacaan dan *ardh* iaitu memperdengarkan bacaan (al-Dakhil, 2008). Menerusi kaedah ini, baginda bermula dengan memperdengarkan wahyu yang diterima oleh baginda kepada mereka. Manakala mereka pula mendengar dengan sepenuh perhatian. Kemudian baginda akan mengulangi ayat-ayat tersebut sehingga mereka mampu mengingatnya. Setelah itu, mereka pula yang memperdengarkan bacaan tersebut kepada Rasulullah (al-Dakhil, 2008). Kaedah pengajaran dan pembelajaran ini diteruskan oleh para sahabat baginda dan mereka menyampaikannya pula kepada ahli keluarga mereka.

Setelah baginda berhijrah ke Madinah, baginda telah menjadikan masjid sebagai tempat ibadah dan institusi pendidikan al-Quran yang dibuka kepada orang ramai. Manakala kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran pula diteruskan mengikut kaedah yang sama namun terdapat penambahan di mana baginda mula menggunakan alat bantuan mengajar sebagai medium pengajaran iaitu dengan kaedah penulisan. Setiap kali malaikat Jibril membawa wahyu, maka baginda akan memanggil para sahabatnya yang terdiri daripada kalangan penulis untuk mencatat wahyu yang diterima oleh baginda (al-Rumi, 2003). Di antara peralatan yang digunakan oleh para sahabat untuk menulis wahyu adalah pelepah tamar, kulit haiwan, tulang haiwan dan juga kain sutera (al-Dailami, 2006).

Selepas kewafatan Rasulullah, para sahabat meneruskan pengajian al-Quran di masjid seperti biasa. Manakala sebahagian besar daripada para sahabat baginda berhijrah ke negeri-negeri lain untuk menyebarkan ajaran Islam dan membangunkan institusi pendidikan al-Quran. Dengan itu, tersebarlah pendidikan al-Quran ke seluruh pelosok Tanah Arab meliputi bandar-bandar besar serta kawasan perkampungan. Setiap daerah yang dihuni oleh orang Islam mempunyai masjid untuk melaksanakan pendidikan tahfiz al-Quran (al-Rumi, 2003). Kesungguhan para sahabat dalam membangunkan institusi tahfiz al-Quran adalah kerana mereka percaya bahawa mempelajari dan mengajar al-Quran merupakan ibadah yang sangat mulia. Mereka cukup yakin dengan sabda Rasulullah yang bermaksud: "Sebaik-baik kamu adalah mereka yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya". (Hadis Riwayat al-Bukhari: 5027).

Tahfiz dari sudut bahasa membawa dua maksud. Pertama: Memelihara dan menjaga seperti memelihara harta dan menjaga kesihatan. Kedua: Mengingati dan menghafal seperti mengingati ilmu yang dipelajari dan menghafal al-Quran. Oleh itu, istilah tahfiz al-Quran dapat difahami daripada kedua-dua maksud di atas iaitu menghafal setiap ayat daripada al-Quran dengan tujuan memelihara nas al-Quran daripada sebarang perubahan, penambahan dan pengurangan serta menyampaikannya agar al-Quran terus tersebar kepada generasi yang berikutnya (al-Sayyid, 1992). Manakala pendidikan tahfiz al-Quran pula merupakan pembelajaran al-Quran dengan cara menghafal keseluruhan al-Quran bermula daripada Surah al-Fatihah hingga Surah al-Nas (al-Bukhari, 2011). Ia merupakan pendidikan yang sangat penting kerana ia menghubungkan antara manusia dengan ilmu-ilmu di dalam Islam seperti Akidah, Fiqh, Bahasa Arab dan sebagainya (al-Beely, 1990).

## SOROTAN KAJIAN

Penilaian kurikulum merupakan satu cara bagi mengenal pasti keupayaan suatu program, kelemahannya, kebaikannya dan menentukan punca masalah. Selain itu, penilaian kurikulum dapat memberikan input terhadap kelemahan-kelemahan yang ada dalam proses pembangunan kurikulum. Penilaian kurikulum juga berfungsi untuk menilai keberkesanan suatu program dan faedahnya dari sudut peruntukan kewangan. Bagi

Tyler (1949), penilaian kurikulum dilaksanakan untuk menentu sejauh mana objektif-objektif disedari. Manakala Provus (1971) pula berpendapat bahawa penilaian kurikulum dilaksanakan untuk melihat perbezaan antara pencapaian dengan standard-standard yang telah ditetapkan.

Selain daripada itu, penilaian kurikulum juga bertujuan mengkaji tahap kejayaan atau keberkesanan sesuatu aspek atau keseluruhan kurikulum dari sudut kesahihan objektif, kaitan dan urutan isi kandungan serta tahap pencapaian matlamat pendidikan yang telah ditetapkan (Zuber, 1998). Manakala Cronbach (1963) pula berpendapat penilaian kurikulum mempunyai tiga tujuan utama iaitu penambahbaikan terhadap suatu kursus, membuat keputusan terhadap individu dan membuat keputusan terhadap pentadbiran.

### ***Model Penilaian Provus (Discrepancy Evaluation Model)***

Model penilaian Provus diasaskan oleh Malcolm Provus pada tahun 1969. Model ini dibangunkan dengan tujuan penilaian program dan penambahbaikan program. Menurut Provus (1971), penilaian ditakrifkan sebagai perbandingan prestasi sebenar dengan standard yang dikehendaki. Menurutnya lagi, definisi “*discrepancy*” ialah pengukuran perbezaan antara piawaian atau standard yang telah ditetapkan dengan prestasi sebenar. Sekiranya program yang dijalankan tidak mencapai piawaian yang telah ditetapkan, maka ia menunjukkan bahawa wujudnya jurang atau perbezaan yang perlu diambil perhatian. Jurang perbezaan yang ditemui memberi isyarat bahawa terdapat kelemahan di dalam sesebuah program yang perlu ditambah baik.

Matlamat Provus membangunkan model penilaian ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang lengkap berkenaan operasi sesebuah program baru dan melaksanakan perubahan yang sesuai di peringkat perancangan program tersebut. Beliau percaya bahawa penilaian yang dilaksanakan secara sistematik mampu menambah baik program dan memberikan kebaikan kepada sektor pendidikan. Menurut Provus (1971), setiap program yang dilaksanakan hanya akan mengalami penambahbaikan sekiranya guru, pihak pentadbiran dan pelajar di dalam bilik darjah berusaha bersungguh-sungguh dan memberi komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Oleh yang demikian, pihak pentadbiran seharusnya mempunyai maklumat yang terperinci berkenaan proses dan input program serta keyakinan bahawa program yang sedang beroperasi seperti mana yang dijangka.

Model penilaian Provus mempunyai lima peringkat penilaian iaitu; reka bentuk program, pelaksanaan program, proses, produk dan analisa kos faedah. Keterangan bagi setiap peringkat secara lebih terperinci adalah seperti berikut; (1) Reka bentuk (design); iaitu perancangan program yang dibina bagi memastikan matlamat yang disasarkan tercapai. (2) Pelaksanaan (installation); iaitu pelaksanaan program yang menjurus kepada matlamat program. (3) Proses (process); aktiviti bagi program yang dilaksanakan dibandingkan dengan aktiviti pelaksanaan yang dijadikan sebagai panduan, jika terdapat perbezaan, cadangan akan dikemukakan untuk tindakan pembetulan. (4) Produk (product); aktiviti produk pelajar dalam program yang dibangunkan dibandingkan dengan hasil program yang dirancang. (5) Perbandingan hasil (product comparison); aktiviti membandingkan hasil pelajar dalam program yang direka bentuk dengan hasil pelajar dalam program-program yang lain untuk menentukan keberkesanan program tersebut.

Dapat dirumuskan bahawa model penilaian Provus merupakan satu model penilaian pendidikan yang telah diiktiraf keberkesanannya dalam bidang pendidikan. Terdapat banyak kajian lepas yang melibatkan penilaian program dan kurikulum di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi mengadaptasi model penilaian Provus di dalam kajian-kajian yang dijalankan. Ini disebabkan beberapa kelebihan yang terdapat model penilaian Provus berbanding model-model penilaian yang lain.

## PERNYATAAN MASALAH

Masalah utama di dalam pendidikan tahfiz al-Quran adalah penguasaan hafalan al-Quran yang lemah. Beberapa kajian di Malaysia dan Indonesia mendapati ramai pelajar-pelajar tahfiz mendapat markah yang rendah dan ada juga yang gagal di dalam ujian tahfiz al-Quran sama ada ujian syafawi (lisan) mahu pun ujian tahriri (bertulis). Ini membuktikan bahawa prestasi pelajar-pelajar tahfiz yang dilahirkan masih lemah dan belum mencapai objektif utama di dalam kurikulum tahfiz al-Quran. Di antara kajian yang mendapati terdapat kelemahan pada kualiti hafalan pelajar tahfiz al-Quran di Malaysia adalah kajian Shahrulkarnain (2015) dan Azmil (2010). Manakala kajian di Indonesia pula adalah seperti kajian Aliyah (2016), Hidayah (2012), Muhsinin (2011), Pristiawan (2013), Hikmiah (2015), Masruroh (2016) dan Husna (2016).

Di antara isu-isu lain di dalam pendidikan tahfiz al-Quran adalah kelemahan pelajar-pelajar tahfiz al-Quran menulis al-Quran dengan cara penulisan yang betul menerusi hafalan mereka. Sedangkan salah satu daripada objektif utama kurikulum tahfiz al-Quran adalah melahirkan para Hafiz al-Quran yang mampu menulis al-Quran tanpa melihat mushaf. Namun kajian-kajian yang lepas menunjukkan bahawa kelemahan menulis al-Quran merupakan isu yang popular dalam kalangan pelajar-pelajar tahfiz al-Quran. Di antara kajian yang membangkitkan isu penulisan al-Quran yang lemah dalam kalangan pelajar tahfiz al-Quran di Malaysia adalah Marzuqi (2016).

Di dalam pendidikan tahfiz al-Quran, isu penguasaan ilmu tajwid yang lemah dalam kalangan pelajar tahfiz al-Quran turut berlaku. Isu ini perlu dipandang serius kerana hukum membaca al-Quran secara bertajwid adalah wajib. Lebih daripada itu, melahirkan pelajar-pelajar tahfiz al-Quran yang menguasai ilmu tajwid dari sudut teori dan amali merupakan salah satu objektif utama di dalam kurikulum tahfiz al-Quran. Perkara sebegini tidak seharusnya berlaku dan perlu ditangani secara bijak. Ini kerana tanggungjawab seorang Hafiz al-Quran adalah membaca al-Quran secara bertajwid sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah. Di antara kajian yang membangkitkan isu penguasaan ilmu tajwid yang lemah dalam kalangan pelajar tahfiz al-Quran di Indonesia adalah Muna (2012) dan kajian Subhi (2015) di Malaysia.

Antara isu lain yang berlaku di dalam pendidikan tahfiz al-Quran adalah penguasaan yang lemah terhadap ayat-ayat Mutashabihat al-Lafzi iaitu ayat-ayat yang mempunyai persamaan atau hampir sama dengan ayat-ayat yang lain di dalam al-Quran. Ini kerana jumlah ayat-ayat Mutashabihat al-Lafzi di dalam al-Quran ada lebih daripada 2000 ayat (Bilal, 2003). Penguasaan ayat-ayat mutashabihat yang lemah akan menyebabkan seseorang melakukan kesilapan ketika membaca al-Quran. Di antara kajian yang memberi tumpuan terhadap isu penguasaan ayat-ayat Mutashabihat al-Lafzi di Malaysia adalah kajian (Azizul, 2005). Isu yang sama turut berlaku di Indonesia sebagaimana yang dikemukakan oleh Naini (2017) dan Ulfa (2014) di dalam kajian mereka.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah untuk mereka bentuk satu model penilaian tahfiz al-Quran berasaskan model penilaian Provus (*Discrepancy Evaluation Model*) bagi mengenalpasti isu dan permasalahan yang berlaku di dalam pendidikan tahfiz al-Quran.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif berikut.

1. Menjelaskan kelemahan yang berlaku dalam pendidikan tahfiz al-Quran.
2. Mereka bentuk model penilaian program tahfiz al-Quran bagi menangani kelemahan dalam pendidikan tahfiz al-Quran.

## METODOLOGI

Bahagian ini menerangkan aspek berikut.

### *Reka bentuk Kajian*

Reka bentuk bagi kajian ini adalah kajian diskriptif di mana pengkaji telah mengumpul data melalui kaedah kualitatif iaitu analisis kandungan dan perbincangan kumpulan fokus (focus group discussion). Tujuan menggabungkan kedua-dua kaedah tersebut untuk mendapatkan maklumat dengan lebih lengkap dan menyeluruh. Manakala model penilaian yang menjadi asas dalam reka bentuk model penilain program tahfiz al-Quran di dalam kajian ini adalah Model Penilaian Provus (1971). Pengkaji memilih Model Penilaian Provus kerana ia merupakan salah satu daripada model penilaian yang sangat sesuai untuk digunakan untuk menilai suatu program dan ia juga telah mendapat pengiktirafan sebagai model penilaian terbaik oleh pakar dalam bidang penilaian seperti Daniel Stufflebeam dan Egon Guba (Craig, 1980). Model Penilaian ini juga terbukti dari sudut keberkesannya dan kemampuannya untuk menonjolkan prestasi sebenar suatu program atau kurikulum (Borja, 1984; Melecio, 1992). Model Penilaian Provus mempunyai lima peringkat penilaian iaitu; penilaian reka bentuk, penilaian pelaksanaan, penilaian proses, penilaian produk dan penilaian kos. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya membentangkan hasil daripada peringkat pertama sahaja iaitu reka bentuk model penilaian yang terdiri daripada empat aspek iaitu: (1) objektif pendidikan tahfiz al-Quran, (2) persediaan sebelum menghafal al-Quran, (3) proses menghafal al-Quran dan (4) proses menjaga hafalan al-Quran. Menerusi model penilaian Provus, Provus memberi pilihan kepada pengkaji sama ada menggunakan standard yang sedia ada (Glass, 2001) atau mereka bentuk sebuah standard baru berdasarkan kepada kajian literatur (Henke, 2007). Di dalam kajian, ini pengkaji mereka bentuk model penilaian tahfiz al-Quran berdasarkan kepada kajian literatur menggunakan kaedah analisis dokumen dan perbincangan kumpulan fokus.

### *Instrumen Kajian*

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen untuk mereka bentuk model penilaian program tahfiz al-Quran menerusi buku-buku yang menjadi rujukan utama di dalam pendidikan tahfiz al-Quran. Antaranya adalah kitab *I'anat al-Huffaz lil Ayat al-Mutashabihat al-Alfaz* karangan Muhammad Talhah Bilal (2003), *I'anat al-Murid li Hifz al-Quran al-majid* karangan Ahmad Syukri dan Firas al-Auratani (2003), *Qasd al-Sabil ila al-Jinan bi Bayan Kaifa Tahfaz al-Quran* karangan Ibrahim Abdul Mun'im al-Syirbini (1995). Menurut Bowen (2009), analisis dokumen merupakan satu prosuder yang sistematik untuk menilai dokumen sama ada bercetak mahupun elektronik. Analisis dokumen kebiasaannya digunakan sebagai pelengkap kepada kaedah pengumpulan data yang lain seperti temu bual dan pemerhatian. Namun begitu, analisis dokumen boleh juga digunakan sebagai kaedah tunggal dalam suatu kajian yang dijalankan (Bowen, 2009).

### *Kutipan data*

Kajian ini bersifat fleksibel bagi membolehkan penyelidik mengumpul maklumat daripada buku-buku yang menjadi rujukan utama di dalam pendidikan tahfiz al-Quran. Aspek-aspek penilaian dalam pendidikan

tahfiz al-Quran yang ditemui telah dikeluarkan dan disusun mengikut kategori. Data yang diperolehi kemudiannya dibawa ke dalam perbincangan kumpulan fokus. Menerusi kaedah ini, seramai enam orang pakar dalam bidang pendidikan tahfiz al-Quran telah dikumpulkan dan berbincang tentang aspek-aspek penilaian dalam pendidikan tahfiz al-Quran. Perbincangan kumpulan fokus merupakan salah satu kaedah dalam kajian kualitatif yang diketuai oleh seorang moderator bagi membincangkan isu dalam kajian yang dijalankan. Menerusi perbincangan kumpulan fokus, isu yang dikaji dapat dikembangkan dan menambahkan kefahaman terhadap isu tersebut (Hennink, 2013).

### *Analisis data*

Analisis dokumen melibatkan pembacaan dokumen secara teliti dan menyeluruh. Ia menggabungkan elemen-elemen dalam kaedah analisis kandungan dan juga analisis tematik (Bowen, 2009). Analisis kandungan merupakan proses menyusun maklumat kepada kategori yang berkaitan dengan keperluan kajian (Corbin & Strauss, 2008). Manakala analisis tematik pula adalah satu kaedah mengesan corak dalam data berdasarkan kepada tema (Fereday & Muir-Cochrane, 2006). Justeru, kajian ini menganalisa data menggunakan kaedah analisis dokumen dengan mengkategorikan aspek penilaian di dalam pendidikan tahfiz al-Quran kepada empat aspek iaitu: (1) objektif pendidikan tahfiz al-Quran, (2) persediaan sebelum menghafal al-Quran, (3) proses menghafal al-Quran dan (4) proses menjaga hafalan al-Quran.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kelima-lima isu utama dalam pendidikan tahfiz al-Quran dapat dikenalpasti melalui model penilaian tahfiz al-Quran yang direkabentuk daripada fasa pertama Model Penilaian Provus. Menerusi fasa ini, pengkaji telah mereke bentuk satu model penilaian tahfiz al-Quran yang melibatkan empat aspek iaitu: (1) objektif pendidikan tahfiz al-Quran, (2) persediaan sebelum menghafal al-Quran, (3) proses menghafal al-Quran dan (4) proses menjaga hafalan al-Quran. Manakala bagi setiap aspek pula, pengkaji telah membahagikannya kepada dua bahagian. Penjelasan bagi setiap aspek tersebut adalah seperti berikut:

Aspek Pertama: Pembahagian objektif pendidikan tahfiz al-Quran kepada objektif khusus dan objektif umum. Objektif khusus bermaksud seorang pelajar tahfiz al-Quran hanya dianggap sebagai seorang Hafiz al-Quran sekiranya berjaya menepati objektif khusus. Manakala objektif umum pula adalah nilai tambah kepada seorang Hafiz al-Quran.

### Jadual 1

#### *Objektif khusus dan umum pendidikan tahfiz al-Quran*

Objektif Khusus	Objektif Umum
Melahirkan Hafiz al-Quran yang mampu menghafal seluruh al-Quran dengan lancar.	Melahirkan Hafiz al-Quran yang peka terhadap ayat-ayat <i>mutasyabihat</i> di dalam al-Quran.
Melahirkan Hafiz al-Quran yang mampu memelihara al-Quran daripada penyelewengan.	
Melahirkan Hafiz al-Quran yang menguasai Ilmu Tajwid.	Melahirkan Hafiz al-Quran yang memahami isi kandungan al-Quran.
Melahirkan Hafiz al-Quran yang berakhlak mulia.	

Aspek Kedua: Pembahagian persediaan menghafal al-Quran kepada dua iaitu amalan wajib dan amalan sokongan. Amalan wajib merupakan amalan yang mesti dilakukan. Tanpa melakukannya, seseorang tidak mungkin menghafal al-Quran dengan baik. Manakala amalan sokongan merupakan amalan yang dapat

menjadikan proses menghafal dilakukan secara sistematik dan berkesan. Tanpa melakukannya, seseorang masih lagi boleh menghafal al-Quran tetapi ia amat membantu proses menghafal al-Quran.

Jadual 2

*Amalan wajib dan sokongan persediaan menghafal al-Quran*

<b>Amalan Wajib</b>	<b>Amalan Sokongan</b>
Lancarkan ayat-ayat yang hendak dihafal sebelum menghafal.	Tepati jadual hafalan al-Quran yang telah ditetapkan. Tetapkan jumlah ayat yang hendak dihafal sebelum menghafal.
Lancarkan ayat-ayat yang hendak dihafal secara bertajwid.	Pilih tempat yang sesuai untuk menghafal al-Quran. Baca terjemahan al-Quran bagi ayat-ayat yang hendak dihafal.
Perdengarkan ayat-ayat yang hendak dihafal kepada guru al-Quran.	Lancarkan ayat-ayat yang hendak dihafal secara berlagu. Dengar ayat-ayat yang hendak dihafal daripada kaset, cd atau mp3 sebelum menghafal.
Pelajari ilmu tajwid al-Quran secara teori.	Tulis ayat-ayat yang hendak dihafal di atas kertas kemudian menghafalnya.

Aspek Ketiga: Pembahagian proses menghafal al-Quran kepada dua elemen penting iaitu elemen tumpuan dan elemen pengulangan. Elemen pertama ialah memberikan sepenuh tumpuan semasa menghafal ayat-ayat yang hendak dihafal. Elemen ini banyak menggunakan deria penglihatan iaitu mata. Manakala elemen kedua pula ialah pengulangan ayat-ayat yang hendak dihafal sehingga lancar. Elemen ini banyak menggunakan deria suara dan otak. Pengkaji merumuskan bahawa proses menghafal al-Quran seharusnya memaksimumkan penggunaan deria penglihatan, deria suara dan otak.

Jadual 3

*Elemen tumpuan dan pengulangan semasa menghafal al-Quran*

<b>Elemen Tumpuan</b>	<b>Elemen Pengulangan</b>
Berikan sepenuh tumpuan semasa menghafal al-Quran.	Ulang ayat-ayat yang dihafal sehingga lancar sebelum berpindah kepada ayat yang lain.
Tumpukan bacaan terhadap ayat-ayat yang hendak dihafal sahaja.	Perdengarkan ayat-ayat yang telah dihafal kepada orang lain.
Berikan tumpuan terhadap penulisan ayat-ayat al-Quran.	
Perhatikan nama surah dan nombor juzuk yang sedang dihafal.	
Gunakan hanya satu mushaf untuk menghafal al-Quran.	Hafal al-Quran dengan suara yang kuat.

Aspek Keempat: Pembahagian proses menjaga hafalan al-Quran kepada dua elemen penting iaitu elemen pengurusan masa dan elemen pengukuhan hafalan. Elemen pertama ialah pengurusan masa iaitu mengulang al-Quran secara konsisten mengikut jadual yang telah ditetapkan. Manakala elemen kedua pula adalah


pengukuhan hafalan iaitu meletakkan tanda pada ayat-ayat Mutashabihat al-Lafzi dan kalimah yang pernah dibaca dengan salah, menggunakan mushaf kecil ketika berada di luar kelas dan mendengar bacaan al-Quran yang telah dihafal daripada CD atau MP3.

Jadual 4

*Elemen pengurusan masa dan pengukuhan bagi hafalan lama*

Elemen Pengurusan Masa	Elemen Pengukuhan Hafalan
Ulang al-Quran yang telah dihafal di dalam solat.	Berikan perhatian terhadap ayat-ayat <i>mutasyabihat</i> .
Ulang al-Quran yang telah dihafal mengikut jadual yang ditetapkan.	Letakkan tanda pada ayat-ayat <i>mutasyabihat</i> .
Ulang al-Quran yang telah dihafal di pertengahan malam.	Dengar bacaan al-Quran yang telah dihafal daripada kawan-kawan yang menghafalnya.
Ulang al-Quran yang telah dihafal secara konsisten dan berterusan.	Dengar bacaan al-Quran yang telah dihafal melalui kaset, cd atau mp3.
Gunakan mushaf kecil untuk mengulang al-Quran semasa berada di luar kelas.	Letakkan tanda pada kalimah yang dibaca dengan salah. Tulis ayat-ayat yang telah dihafal di dalam buku khas.

Berikut adalah reka bentuk Model Penilaian Tahfiz al-Quran bagi mengenalpasti punca kelemahan yang berlaku di dalam pendidikan tahfiz al-Quran:



Rajah 1: Model Penilaian Tahfiz al-Quran

**PERBINCANGAN**

Pengkaji mendapati bahawa isu kelemahan para Hafiz al-Quran mengingati keseluruhan al-Quran dengan baik dapat diatasi menerusi objektif pendidikan tahfiz al-Quran yang jelas seperti melahirkan Hafiz al-Quran



yang mampu menghafal seluruh al-Quran dengan lancar dan melahirkan Hafiz al-Quran yang mampu memelihara al-Quran daripada penyelewengan. Begitu juga dengan proses menjaga hafalan al-Quran kepada dua elemen penting iaitu elemen pengurusan masa dan elemen pengukuhan hafalan yang banyak memberi tumpuan kepada pengulangan hafalan al-Quran secara konsisten dan teratur (al-Ghauthani, 1998; Bilal, 2003; al-Qalmuni, 1993; al-Syirbini, 1995; al-Mulhim, 2009).

Manakala kelemahan para Hafiz al-Quran menulis al-Quran mengikut Rasm Uthmani tanpa melihat mushaf boleh diatasi dengan persediaan menghafal al-Quran iaitu dengan cara menulis ayat-ayat yang hendak dihafal di atas kertas kemudian menghafalnya. Begitu juga melalui proses menjaga hafalan al-Quran iaitu dengan menulis ayat-ayat yang telah dihafal di dalam buku khas (al-Ghauthani, 1998; Bilal, 2003; al-Mulhim, 2009).

Kelemahan pelajar-pelajar tahfiz menghabiskan silibus hafalan al-Quran berdasarkan tempoh yang ditetapkan dapat diatasi melalui pelaksanaan persediaan menghafal al-Quran yang teratur. Sekiranya pelajar-pelajar tahfiz dapat mengamalkan amalan wajib dan amalan sokongan dalam persediaan menghafal al-Quran, maka proses menghafal al-Quran akan menjadi lebih mudah dan berkesan. Antaranya adalah melancarkan ayat-ayat yang hendak dihafal sebelum menghafal dan tetapkan jumlah ayat yang hendak dihafal sebelum menghafal (al-Ghauthani, 1998; al-Qalmuni, 1993; al-Syirbini, 1995; al-Mulhim, 2009). Dengan demikian, pelajar-pelajar akan mampu menghabiskan silibus hafalan mereka dalam tempoh yang ditetapkan.

Manakala kelemahan pelajar-pelajar tahfiz menguasai ilmu tajwid secara teori dan amali dapat diatasi menerusi pelaksanaan persediaan menghafal al-Quran. Di dalam persediaan menghafal al-Quran, pelajar-pelajar tahfiz seharusnya mempelajari ilmu tajwid secara teori serta mempraktikkannya ketika menghafal al-Quran. Oleh sebab itu, mereka digalakkan melancarkan al-Quran secara bertajwid sebelum menghafal al-Quran agar kesilapan tidak berlaku semasa proses menghafal al-Quran berjalan (Syukri & al-Auratani, 2003).

Seterusnya, kelemahan para Hafiz al-Quran dalam menguasai ayat-ayat *Mutashabihat al-Lafzi* di dalam al-Quran boleh diatasi menerusi proses menjaga hafalan al-Quran kepada dua elemen penting iaitu elemen pengurusan masa dan elemen pengukuhan hafalan. Di antaranya adalah dengan cara memberikan perhatian terhadap ayat-ayat *Mutashabihat al-Lafzi* dan meletakkan tanda pada ayat-ayat mutasyabihat (Karzun, 1996; Syukri & al-Auratani, 2003; al-Ghauthani, 1998; Bilal, 2003). Selain daripada itu, pelajar-pelajar juga seharusnya didedahkan dengan kitab-kitab yang khusus membicarakan tentang ayat-ayat *Mutashabihat al-Lafzi* yang terdapat di dalam al-Quran seperti kitab *Aun al-Rahman fi Hifz al-Quran* karangan al-Qalmuni (1993), *al-Itqan fi Mutashabihat al-Quran* karangan Umm Bassam (2003), *Igathah al-Lahfan fi Dhabat Mutashabihat al-Quran* karangan al-Waraq (2001), *I'anat al-Huffaz lil Ayat al-Mutashabihat al-Alfaz* karangan Bilal (2003) dan banyak lagi.

## KESIMPULAN

Penilaian merupakan satu proses dalam pendidikan bagi mengenal pasti keupayaan suatu program pendidikan, kebajikannya, kelemahannya dan menentukan punca masalah. Penilaian juga dapat memberikan input atau jalan penyelesaian terhadap kelemahan-kelemahan yang ada. Justeru, kajian ini telah mengemukakan satu reka bentuk model penilaian untuk pendidikan tahfiz al-Quran bagi mengatasi isu-isu yang berlaku di dalam pendidikan tahfiz al-Quran. Kaedah penggunaan model penilaian ini adalah dengan melihat sejauh mana sebuah institusi mengamalkan elemen-elemen yang dinyatakan di dalam model ini. Kegagalan mereka untuk memenuhi elemen-elemen tersebut boleh menimbulkan isu-isu di dalam pendidikan tahfiz al-Quran sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Justeru, model ini boleh dijadikan sebagai panduan dalam pembentukan program pendidikan tahfiz al-Quran bagi institusi yang baru dibangunkan atau juga sebagai model penilaian bagi menyemak program pendidikan tahfiz al-Quran yang sedang berjalan. Model ini diharapkan dapat menjadi jalan penyelesaian kepada isu-isu di dalam pendidikan tahfiz al-Quran sekaligus mempertingkatkan lagi kualiti dan prestasi para Hafiz al-Quran di Nusantara.

**RUJUKAN**

- al-Beely, Ahmad. (1990). *Konsep kurikulum pendidikan Islam*. Ampang: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Bukhari, Abdullah. (2011). *Juhud al-ummah fi tahfiz al-Quran al-Karim. al-Mu'tamar al-Alami al-Awwal lil Bahithin fi al-Quran al-Karim wa Ulumihi* (pp. 167-207). Fes: Jami'ah Ibn Zuhr.
- al-Dailami, Akram Abdul Khalifah. (2006). *Jam'al-Quran dirasah tahliliyyah li marwiyatih*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Dakhil, Dakhil Abdullah. (2008). *Iqra' al-Quran al-Karim*. Jeddah: Markaz al-Dirasat wa al-Ma'lumat al-Quraniyyah bi Ma'had al-Shatibiy.
- al-Ghauthani, Yahya Abdul Razzaq. (1998). *Kaifa tahfaz al-Quran al-Karim*. Gaza: Dar Nur al-Maktabat.
- Aliyah, N. (2016). *Problematika peserta didik dalam belajar menghafal al-Quran juz 30 di MTs Negeri Jeketro Gubug Grobogan*. Semarang: Universiti Islam Negeri Walisongo.
- al-Mulhim, Abdullah. (2009). *Haqqiq hilmika fi hifz al-Quran*. Kuwait: al-Ibda' wa al-Fikr.
- al-Qalmuni, A. Z. (1993). *Aun al-Rahman fi hifz al-Quran*. Jeddah: Maktabah al-Balad al-Amin.
- al-Rumi, Fahad Abdul Rahman. (2003). *Dirasat fi ulum al-Quran al-Karim*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahad al-Wataniyyah Athna' al-Nashr.
- al-Sabuni, Muhammad Ali. (2011). *Al-Tibyan fi ulum al-Quran*. Karachi: Al-Bushra Publishers.
- al-Sayyid, Amin Ali. (1992). *Al-Bayan fi tilawat al-Quran*. Kaherah: Maktabah al-Zahra'.
- al-Syirbini, Ibrahim Abdul Mun'im. (1995). *Qasd al-Sabil ila al-Jinan bi bayan kaifa tahfaz al-Quran*. Mansurah: Maktabah al-Iman.
- al-Waraqi, A. A.-H. (2002). *Ighathah al-Luhfan fi dhabt mutashabihat al-Quran*. Cairo: Darul Iman.
- al-Zurqani, Muhammad Abdul Azim. (1999). *Manahil al-Irfan fi ulum al-Quran* (Jil. 1). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Azizul. (2014). *Penguasaan hafazan ayat mutasyabihat lafaz dalam kalangan huffaz al-Quran: Satu Kajian di Institut al-Quran Terengganu*. Kedah: Kolej Universiti Insaniah.
- Azmil, H. (2010). *Penilaian pelaksanaan kurikulum tahfiz al-Quran di Darul Quran Jakim dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri*. Bangi: Univeriti Kebangsaan Malaysia.
- Bilal, Muhammad Talhah. (2003). *I'anat al-Huffaz lil ayat al-Mutashabihat al-Alfaz*. Jeddah: Dar Nur al-Maktabat.
- Borja, Marianne Elizabeth. (1984). *Application of the Provus Discrepancy Model in the assesment of the nutrition component of a assistant program*. Pennsylvania: Temple University.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40.

- Craig, R. D. (1980). *Application of the Discrepancy Evaluation Model in the evaluation of a high school educational system*. Utah: Brigham Young University.
- Corbin, J., & Strauss, A. (2008). *Basics of qualitative research*. Thousand Oaks: Sage Publications
- Cronbach, L. (1963). *Educational Psychology*. New York: Harcourt.
- Fereday, J., & Muir-Cochrane, E. (2006). Demonstrating rigor using thematic analysis: A hybrid approach of inductive and deductive coding and theme development. *International Journal of Qualitative Methods*, 5(1), 80-92.
- Glass, E. K. (2001). *An evaluation study of gifted programs in two jewish day schools*. Los Angeles: University of Southern California.
- Hennink, M. M. (2013). *Focus group discussions*. Oxford: Oxford University Press.
- Henke, J. D. (2007). *The state of gifted education in Nebraska*. University of Nebraska.
- Hidayah, R. (2012). *Pengaruh tingkat problematika terhadap keberhasilan menghafal Al-Qur'an santri Pondok Pesantren Al-Hikmah Tugurejo Tugu Semarang*. Semarang: Institut Agama Islam Negeri Walisongo.
- Hikmiah, N. (2015). *Metode pembelajaran tahfiz al-Qur'an di griya al-Qur'an Jalan Cisadane 36 Surabaya*. Surabaya: UIN Sunan Ampel Surabaya.
- Husna, N., & Arifin, Z. (2016). Curriculum development of madrasah tahfidz-based pesantren. Ta'dib: *Journal of Islamic Education*, 125-135.
- Hussein, M. S. (2015). *Penguasaan hafazan dari perspektif waqf dan ibtida' dalam kalangan huffaz al-Quran: Satu Kajian di institut al-Quran Terengganu*. Kedah: Kolej Universiti Insaniah.
- Karzun, A. A. (1996). *Wa rattilil Quran tartilan*. Muassasah al-Tiba'ah wa al-Sahafah wa al-Nasyr.
- Masruroh, S. N. (2016). *Evaluasi program pembelajaran tahfidz al-Quran di Madrasah Mu'allimaat Muhammadiyah Yogyakarta*. Yogyakarta: Universitas Muhammadiyah Yogyakarta.
- Melecio, R. N. (1992). *The needs of trained bilingual personnel in the Commonwealth of Pennsylvania*. Pennsylvania: The Pennsylvania State University.
- Muhsinin. (2011). *Studi deskripsi tentang kemampuan menghafal al-Qur'an siswa kelas IV MI Al-Mu'min Sunan Prawoto Kecamatan Sukolilo Kabupaten Pati*. Semarang: Institut Agama Islam Negeri Walisongo.
- Muna, D. N. (2012). *Hubungan antara penguasaan ilmu tajwid dan kefasihan Santri Madrasah Aliyah di Pondok Pesantren Tahfidhul Qur'an Al-Husna Desa Sidomulyo Kecamatan Jekulo Kabupaten Kudus*. Semarang: Institut Agama Islam Negeri Walisongo.
- Naini, N. (2017). *Problematika kecerdasan emosional santri dalam menghafal al-Qur'an dan solusinya di pondok pesantren Madrosatul Qur'anil Aziziyah Kelurahan Bringin Kecamatan Ngaliyan Semarang*. Semarang: Universitas Islam Negeri Walisongo.

- Pristiawan, E. (2013). *Pelaksanaan pembelajaran tahfizul Quran di SDIT Nurul 'Ilmi Estate Kabupaten Deli Serdang*. Medan: IAIN Sumatera Utara.
- Provus, M. M. (1969). *The Discrepancy Evaluation Model; an approach to local program improvement and development*. Pittsburgh: Pittsburgh Public School.
- Rahim, M. M., & Hashim, A. (2016). Tinjauan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan ayat hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, 93-102.
- Shahrulkarnain. (2013). *Program sijil tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM-Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: Analisis terhadap pencapaian hafazan dan permasalahannya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Syukri, A., & al-Auratani, F. (2003). *I'anat al-Murid li hifz al-Quran al-Majid*. Amman: Jam'iyyah al-Muhafazah ala al-Quran al-Karim.
- Tyler, R. W. (1949). *Basic principles of curriculum and instruction*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Ulfa, T. (2014). *Studi analisis kesulitan santri menghafal al-Quran di Pondok Pesantren Tahfizul Quran Asy-Syarifah Brumbung Mranggen Demak*. Semarang: Isntitut Agama Islam Negeri Walisongo.
- Zuber-Skerritt. (1992). *Professional development in higher education: A theoretical framework for action research*. London: Kogan Page.